

PERANAN KOSA KATA ARAB DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM

THE IMPACT OF ARABIC VOCABULARY ON ISLAMIC STUDIES

Norillah binti Abdullah Hassim¹
Amiruldin bin Ishak²
Fahmi Zaidi bin Abdul Razak³

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia
(E-mail: norillah@unipsas.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia
(E-mail: amiruldin@unipsas.edu.my)

³ Fakulti Pengurusan dan Informatik, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia
(E-mail: fahmizaidi@unipsas.edu.my)

Article history

Received date : 27-3-2023
Revised date : 28-3-2023
Accepted date : 28-6-2023
Published date : 29-9-2023

To cite this document:

Abdullah Hassim, N., Ishak, A., & Abdul Razak, F. Z. (2023). Peranan kosa kata arab dalam bidang pengajian islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 148 – 158.

Abstrak: Kosa kata merupakan aspek utama dalam pembelajaran bahasa Arab. Pelbagai kajian telah membuktikan bahawa jumlah kosa kata pelajar dapat menentukan tahap penguasaan bahasa Arab mereka. Walaubagaimanapun isu berkaitan pengaruh aspek kosa kata Arab terhadap bidang pengajian lain sentiasa diperbahaskan sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat pengajian tinggi dari dahulu sehinggalah kini. Justeru, kajian ini diharapkan dapat menjadi kesinambungan kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengaruh dan kepentingan aspek jumlah kosa kata Arab dalam bidang pengajian Islam. Kajian ini menggunakan metod kualitatif melalui kaedah analisis deskriptif dan analisis kandungan. Kertas konsep ini mendedahkan bahawa aspek kosa kata dapat meningkatkan kefahaman pelajar, meningkatkan prestasi akademik, menguasai sumber ilmu, menambah nilai kualiti penyelidikan bidang pengajian Islam serta mampu menampilkan keserjanaan bidang pengajian Islam. Sehubungan dengan itu beberapa langkah perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan antaranya membentuk silibus pelajaran bahasa Arab bagi tujuan khas dalam bidang pengajian Islam sebagai mata pelajaran wajib dengan meneliti aspek kosa kata khusus bagi pengajian ini juga. Dicadangkan juga agar bahasa Arab Khas bagi tujuan bidang pengajian Islam ini juga ditawarkan sebagai subjek teras pengajian Islam bagi setiap semester.

Kata Kunci: Aspek Kosa Kata, Kosa Kata Arab, Pengajian Islam

Abstract: Arabic language study focuses on vocabulary. Several studies have shown that a student's level of Arabic language proficiency can be predicted by their vocabulary size. Yet, questions relating to the impact of Arabic language on other academic subjects have long been a topic of discussion, whether at elementary or higher education levels. As a result, we anticipate that this will lead to a number of benefits.

Keywords: *Vocabulary Aspect, Arabic Vocabulary, Islamic Studies*

Pengenalan

Latar Belakang Pengajian Islam di Malaysia

Bidang pengajian Islam merupakan bidang pengajian yang terbina atas falsafah Pendidikan Islam. Falsafah Pendidikan ini pula bertujuan untuk melengkapkan individu muslim dengan kriteria-kriteria seorang khalifah Allah yang merangkumi aspek fizikal, rohani, intelektual dan emosi serta bersandarkan kepada prinsip al-Quran dan al-Sunnah (Norshahida Md Nor, Maimun Aqsha Lubis, 2015).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan Islam mula diberi perhatian secara serius. Pada tahun 1955 Kolej Islam Malaya telah ditubuhkan dan secara tidak langsung menjadi Institusi Pengajian Tinggi Islam. Beberapa kolej dan universiti Islam juga turut di bina selepas itu kerana institut pengajian tinggi dalam bidang pengajian Islam semakin dilihat sebagai keperluan kepada masyarakat. Sehingga kini pengajian Islam bukan sahaja mempunyai fakultinya yang khusus malah bidang ini turut diajar secara tidak langsung di semua institusi pengajian di Malaysia (Nor, 2011).

Bahasa Arab merupakan ilmu bidang pengajian Islam yang sangat penting. Bahasa Arab di Malaysia telah menjadi mata pelajaran wajib pendidikan Islam bermula ditahap sekolah rendah lagi (Aslan, 2019). Hal ini kerana sumber asal ajaran Islam iaitu al-Quran, hadis dan ilmu-ilmu Islam yang lain ditulis dalam bahasa Arab. Justeru, adalah sangat penting individu yang beragama Islam terutamanya sarjana-sarjana bidang pengajian Islam yang mempelajari bidang ini secara khusus dan mendalam agar dapat menguasai ilmu dan kemahiran bahasa Arab (Andriani, 2015).

Walaupun bagaimanapun, isu tahap penguasaan kosa kata yang lemah dalam kalangan pelajar masih berterusan dan jauh tersasar daripada objektif sukatan pelajaran bahasa Arab di pelbagai peringkat sekolah walaupun sukatan pelajaran bahasa Arab melalui KBSR dan KBSM serta objektif PdP sebenarnya mampu menjadikan pelajar menguasai aspek kosa kata bahasa Arab dengan baik (Baharudin¹ et al., 2016).

Oleh kerana pembelajaran pada peringkat universiti menjurus kepada bidang tertentu maka pelajar perlu menguasai kosa kata berfrekuensi tinggi dan kosa kata teknikal. Kosa kata ini merupakan kata kunci kepada kefahaman keseluruhan teks yang dibaca kerana setiap bidang akademik memiliki kosa katanya yang khusus dan tersendiri. (Razak & Samah, 2018). Penumpuan penguasaan kosa kata khusus dalam bidang yang dipelajari perlu melalui pendekatan pengajaran secara implisit. (Razak & Samah, 2018). Hal ini kerana penguasaan kosa kata sangat berkait rapat dengan strategi pembelajaran bahasa dan penguasaan kemahiran berbahasa. Justeru, strategi pembelajaran kosa kata yang sistematik dapat memudahkan pelajar menguasai kemahiran berbahasa (Ngalawi & Zainal, 2020). Penguasaan kosa kata pelajar juga perlu dibangunkan sebelum pelajar bergraduat. Penekanan terhadap aspek kecukupan, tahap relevansi kosa kata dan keupayaan penggunaan kosa kata yang dikuasai perlu dilaksanakan (Zaini et al., 2021).

Kosa Kata

Kosa kata ialah pengetahuan tentang perkataan, jenis dan maknanya sama ada dalam percakapan mahupun penulisan atau dalam bentuk produktif dan reseptif (Lehr et al., 2004). Kosa kata juga merupakan alat penyampaian makna serta alat berfikir. Seseorang boleh berfikir dan kemudian meluahkan apa yang terlintas di fikirannya dengan kosa kata dimilikinya (Muhammady, 2021). Kosa kata yang banyak juga amat penting untuk menguasai sesuatu bahasa (Masrai & Milton, 2019).

Memiliki kosa kata yang luas dapat membantu seseorang dalam berkomunikasi dengan lebih jelas dan efektif (Suryanto et al., 2021). Dengan memahami makna perkataan dan cara menggunakannya, seseorang dapat mengungkapkan idea, dan perasaannya dengan lebih tepat dan mudah dipahami oleh orang lain.

Kosa kata yang baik juga dapat membantu meningkatkan kemampuan membaca (Verhoeven et al., 2011) dan menulis seseorang (Wirastuti et al., 2022). Semakin banyak kosa kata yang dikuasai, semakin mudah seseorang dalam sesuatu teks bacaan serta semakin cekap dalam penulisan dengan penggunaan kata-kata yang tepat (Khan et al., 2018) (Moghadam et al., 2012). Menguasai kosa kata juga dapat membantu meningkatkan kemampuan belajar seseorang (Mufidah & Rohima, 2020). Dengan memiliki kosa kata yang lebih luas, seseorang akan lebih mudah memahami bahan

Menguasai kosa kata juga dapat membantu meningkatkan daya ingat seseorang (Perry et al., 2016). Semakin banyak kata-kata yang diketahui, semakin mudah bagi seseorang mengingat maklumat dan peristiwa.

Kosa kata merupakan aspek utama dalam pembelajaran bahasa Arab. Penguasaan pelajar terhadap kosa kata Arab akan mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap empat kemahiran bahasa yang utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Muhammady, 2021).

Jumlah kosa kata merujuk kepada aspek kuantiti dan ia ditakrifkan sebagai bilangan perkataan yang diketahui oleh seseorang individu dan berpendapat bahawa sebanyak 8000 sehingga 9000 kosa kata diperlukan oleh pelajar bahasa Inggeris untuk memahami teks bahasa Inggeris (Nation, 2001) manakala bagi jumlah kosa kata Arab, sebahagian besar sarjana dan pakar mencadangkan bahawa sebanyak 750 sehingga 1000 kosa kata perlu dikuasai oleh pelajar di peringkat rendah, 1000 sehingga 1500 kosa kata bagi pelajar di peringkat menengah (Ngalawi & Zainal, 2020) dan 2000-3000 kosa kata bagi pelajar di peringkat pengajian tinggi yang mana jumlah ini merupakan jumlah yang munasabah bagi pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua dan perlu merangkumi kosa kata umum yang digunakan seharian serta kosa kata khusus yang digunakan untuk situasi tertentu dan bidang tertentu (Razak & Samah, 2018) seperti bidang pengajian Islam.

Kajian-kajian di atas membuktikan bahawa kosa kata memainkan peranan yang sangat penting dalam bidang pengajian pelajar. Sehubungan dengan itu kajian ini akan membincangkan peranan kosa kata Arab dalam bidang pengajian Islam.

Permasalahan Kajian

Secara umumnya sebahagian pakar berpendapat bahawa jawapan utama kepada persoalan mengapa pelajar lemah dalam menggunakan bahasa Arab dalam kemahiran bahasa ialah aspek kosa kata (Ngalawi & Zainal, 2020). Kajian menunjukkan bahawa pelajar lepasan ijazah

Pengajian Islam amat lemah dalam menguasai dan merujuk kepada kitab *Turath* yang ditulis dengan bahasa Arab sebagai asas mencapai tahap keilmuan. Islam (Munir & Muhamad, 2019).

Kajian juga membuktikan bahawa kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab merupakan punca utama kemerosotan prestasi dan rendahnya kualiti pemahaman serta pengetahuan pelajar terhadap kursus-kursus pengajian Islam (NAQLI, 2019). Faktor utama kepada masalah ini ialah kerana pelajar tidak mempunyai jumlah kosa kata yang mencukupi untuk menguasai kemahiran berbahasa Arab dengan sebaiknya sedangkan penguasaan kosa kata yang cemerlang akan menghasilkan penguasaan bahasa Arab yang baik (Khatib & Zainal, 2018).

Banyak kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti kepentingan kosa kata Arab seperti kajian yang dijalankan oleh (Hussin & Abdullah, n.d.). Kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan pelajar terhadap istilah-istilah bahasa Arab dalam bidang Feqah berada pada tahap sederhana dan memerlukan kepada kajian-kajian susulan untuk melihat secara lebih mendalam terhadap aspek-aspek yang berkaitan.

Dalam kajian yang lain melaporkan bahawa pelajar juga tidak mampu berdiskusi dan berhujah dalam disiplin pengajian Islam kerana tidak memahami kosa kata, istilah dan frasa nama Arab (Mohamed et al., 2020).

Satu kajian terhadap pelajar-pelajar tahfiz di Pondok Pesantren Tahaffudzul Quran Purwoyoso Ngaliyan Semarang pula menunjukkan bahawa pelajar yang menguasai kosa kata Arab dengan baik mampu membaca al-Quran dengan baik (Azizan et al., 2019).

Terdapat juga pelajar di peringkat universiti yang tidak mampu untuk mengikuti silibus pembelajaran kerana menghadapi masalah yang serius dalam penguasaan kosa kata (Razak & Samah, 2018).

Walaupun banyak kajian telah dijalankan, namun terdapat jurang pengetahuan tentang peranan kosa kata Arab dalam bidang pengajian Islam. Kajian-kajian lepas hanya menekankan kepada satu kepentingan kosa kata sahaja dalam bidang pengajian yang khusus sahaja. Justeru, kajian ini meneroka peranan kosa kata Arab dan kepentingannya dalam bidang Pengajian Islam secara menyeluruh.

Persoalan Kajian

Penulisan artikel ini telah dipandu oleh persoalan kajian utama iaitu apakah kepentingan kosa kata Arab terhadap bidang pengajian Islam?

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini bertujuan untuk membuat sorotan literatur yang menyeluruh berkaitan kepentingan kosa kata Arab terhadap bidang pengajian Islam.

Signifikan Kajian


Kajian ini dijangka akan memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembuat dasar kurikulum pendidikan bahasa Arab dalam pembangunan kaedah, strategi dan pengurusan pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. Ini dijangka dapat menyelesaikan isu berkaitan kelemahan penguasaan bidang pengajian Islam melalui penyusunan dan pelaksanaan strategi pengajaran kosa kata Arab bagi pelajar bidang pengajian Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metod kualitatif melalui analisis dokumen. Analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan (Jasmi, 2012). Analisis dokumen digunakan bertujuan memperolehi maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji serta untuk mencari data-data yang berasaskan kepada penulisan dan dokumentasi bertulis seperti seperti buku, jurnal, monograf dan artikel, bahan-bahan perbincangan seperti seminar, persidangan, diskusi ilmiah dan penemuan penyelidikan.

Analisis ini boleh diaplikasi terhadap berbagai jenis dokumen yang berstruktur kerana pembuktian hipotesis dapat dicadangkan secara logik dan rasional melalui pendapat, teori atau undang-undang yang menyokong hipotesis kajian ataupun tidak (Rahardjo, 2011). Justeru data-data kajian ini termasuk dalam kategori sumber data sekunder yang boleh dipertanggungjawabkan kesahan datanya.

Dalam kajian ini pengkaji mencari tajuk atau tema bacaan yang berkaitan dengan kosa kata Arab dan pengajian Islam. Selepas itu pengkaji membuat pembacaan dan membuat analisis. Data dianalisis melalui tiga peringkat iaitu; i- pengurangan data; ii-persembahan data dan kesimpulan (Agusta, 2003) seperti berikut:



Rajah 1: Proses Analisis Dokumen

Hasil Kajian

Kepentingan Penguasaan Kosakata Arab Dalam Pembelajaran Bidang Pengajian Islam

Kosakata bahasa Arab mempunyai peranan penting dalam bidang pengajian Islam khususnya dalam memahami teks-teks suci seperti al-Quran dan al-Hadis. Bahasa Arab dianggap sebagai bahasa utama dalam Islam dan merupakan bahasa rasmi ibadat seperti solat, puasa dan haji. Oleh itu, pemahaman kosakata bahasa Arab yang baik adalah sangat penting dalam memahami ajaran dan amalan Islam.

Selain itu, penggunaan kosakata bahasa Arab juga penting dalam konteks pengajaran Islam. Banyak buku, artikel dan makalah dalam bidang pengajian Islam menggunakan kosakata Arab sebagai sebahagian daripada istilah khusus. Oleh itu, pemahaman kosakata bahasa Arab yang baik adalah penting dalam pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang pengajian Islam.

Meningkatkan Kefahaman

Berdasarkan kepada Korpus Brown yang dijelaskan dengan jadual di bawah, tahap kefahaman individu semakin meningkat apabila jumlah kosakata yang dikuasai semakin besar (Nation, 2001).

Jadual 1: Peratusan Liputan Teks Bagi Setiap Penambahan 1000 Perkataan

Jumlah kosakata	Peratus Liputan Teks
1000	72.0%
2000	79.7%
3000	84.0%
4000	86.8%
5000	88.7%
6000	89.9%
15,851	97.8%

Jadual di atas menunjukkan bahawa individu yang mampu menguasai 3000 perkataan dan lebih mempunyai tahap kefahaman melebihi 80%. Kajian yang dijalankan oleh (Chujo & Utiyama, 2005) juga selari dengan Korpus Brown apabila mendapati liputan teks meningkat secara drastik apabila jumlah kosakata meningkat sehingga sekitar 5000 patah perkataan. Manakala dalam hafazan al-Quran pula, apabila pelajar telah memahami makna kosakata al-Quran pada juzuk yang pertama bermakna pelajar tersebut telah menguasai 50% kosakata al-Quran serta mampu menghafal al-Quran dengan baik, terpandu dan mendalam (Aflisia, 2016).

Sehubungan dengan itu pelajar bidang pengajian Islam yang mampu menguasai kosakata Arab dan istilah-istilah Arab yang berkaitan dengan bidang pengajian Islam melebihi 3000 perkataan berupaya untuk lebih memahami manuskrip atau teks-teks pelbagai ilmu yang berkaitan dengan bidang.

Meningkatkan prestasi akademik pelajar

Kajian mengesahkan bahawa seseorang yang lewat bercakap ketika kanak-kanak berisiko untuk memperolehi pencapaian pendidikan yang rendah kerana majoriti kanak-kanak yang mengalami kelewatan bahasa awal memperolehi markah di bawah markah purata dalam ukuran membaca di tingkatan enam (Bleses et al., 2016). Ini menunjukkan bahawa pemerolehan kosakata mempunyai pengaruh terhadap pembelajaran dan prestasi akademik.

Rahman (2020) dalam kajiannya mendapati bahawa sekitar 25% sampel kajian PNGK dapat dijelaskan dengan kebolehubahan dalam saiz perbendaharaan kata. Ini membayangkan bahawa pelajar yang mempunyai jumlah kosa kata yang lebih besar berupaya untuk mencapai prestasi yang lebih baik dalam tugas dan peperiksaan berbanding dengan pelajar yang mempunyai saiz perbendaharaan kata yang lebih kecil (Rahman, 2020). Terdapat juga kajian yang menganalisis jumlah kosa kata dan purata markah pelajar pada modul pembelajaran menunjukkan bahawa adanya hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata dan prestasi akademik pelajar malah pelajar yang mempunyai perbendaharaan kata yang lebih besar cenderung mendapat markah yang lebih tinggi dalam tugas dan peperiksaan (Milton & Treffers-Daller, 2013).

Pencapaian akademik juga meningkat lebih banyak apabila pelajar mempunyai pengetahuan kosa kata yang betul dan jelas (Masrai & Milton, 2021) meliputi kosa kata berfrekuensi tinggi, akademik dan teknikal (Razak & Samah, 2018).

Menguasai Sumber Rujukan

(Lehr et al., 2004) dalam kajiannya, telah menyatakan secara khususnya dalam definisi kosa kata dengan merujuk kepada jenis perkataan yang mesti diketahui oleh pelajar untuk membaca teks kerana kebanyakan kosa kata dipelajari daripada konteks ayat. Ini kerana pengetahuan tentang subjek dalam sesuatu teks memainkan peranan penting dalam pemahaman teks tersebut (Sternberg, 1987).

Pernyataan di atas seiring dengan matlamat PdP bahasa Arab (Ali et al., 2020). yang menjadikan kemahiran membaca salah satu daripada empat kemahiran utama berbahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pelajar kerana kemahiran membaca teks bahasa Arab meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bahan bacaan pengajian Islam yang ditulis dalam bahasa Arab.

Sehubungan dengan itu, memahami isi kandungan sumber rujukan asal yang ditulis dalam bahasa Arab memerlukan penguasaan jumlah kosa kata Arab yang tepat dalam konteks bidang pengajian Islam.

Menambah Nilai Kualiti Penyelidikan Bidang Pengajian Islam

Selepas merdeka, kebanyakan kajian dalam bidang pengajian Islam di peringkat pasca siswazah telah menggunakan kerangka *epistemologi logico positivisme* barat yang menegaskan bahawa penggunaan kaedah penyelidikan ilmiah sains sosial barat sebagai kaedah yang paling efisien untuk mendapatkan ketepatan ilmu manakala kajian bidang agama yang berpandukan sumber wahyu dianggap sebagai tidak saintifik dan tidak bersifat empirikal (Rahim et al., 2017).

Dakwaan terhadap sumber ilmu pengajian Islam ini perlu diperbetulkan dengan membuktikan bahawa sumber yang berpandukan wahyu adalah sangat penting dan perlu menjadi dasar sumber dalam bidang pengajian Islam (Setyawan & Anwar, 2020). Walaubagaimanapun pelajar akan berdepan dengan kesukaran mengkaji sumber rujukan atau buku-buku lama ulama terdahulu yang mempengaruhi aliran pemikiran dan pandangan umat Islam sedangkan kajian dan karya ilmiah yang berkualiti tinggi adalah yang merujuk kepada sumber rujukan yang asal.

Justeru, penguasaan kosa kata dengan jumlah yang besar penting dalam proses memilih sumber bahan kajian bidang pengajian Islam secara teliti melalui pemahaman isi kandungan rujukan-rujukan asal yang ditulis dalam bahasa Arab seterusnya menganalisis kandungan teks dari pelbagai aspek termasuklah aspek kosa kata itu sendiri (Jasmi, 2012).

Memantapkan Kesarjanaan Bidang Pengajian Islam

Hubungan antara Islam dan Arab adalah hubungan simbiosis sehingga keduanya berkembang dalam keadaan saling menyokong antara satu sama lain (Arwani, 2017). Adalah tepat jika pelajar bidang pengajian Islam mampu menampilkan kesarjanaan bidang ini melalui penguasaan kosa kata Arab kerana saiz kosa yang dikuasai oleh pelajar dapat menentukan tahap pembelajaran pelajar, tingkat maklumat yang diperolehinya serta mampu berkomunikasi dengan lebih baik (Mufidah & Rohima, 2020) apatah lagi pada zaman milineum ini yang sedang memfokuskan kepada kajian pemikiran sarjana-sarjana Islam terdahulu yang kemudiannya diadaptasi ke dalam idelogi kini (Setyawan & Anwar, 2020).

Justeru, pelajar bidang pengajian Islam perlu menguasai saiz kosa yang akan meningkatkan keupayaan berinteraksi dalam pelbagai aspek bidang pengkhususan melalui kemahiran berbahasa Arab sebagai bahasa wahyu, bahasa ilmiah dan unik, bahasa pelopor tamadun serta bahasa sumber ilmu pengajian Islam (Pane, 2018).

Sebagai contohnya dalam ilmu Hadis, seseorang tidak boleh meriwayatkan maksud hadis melainkan selagi tidak *fasih* berbahasa Arab, berpengetahuan dan pasti tentang kosa kata dan maknanya yang berbeza berdasarkan konteks hadis (Kobeisy, 1999). Isu-isu pentafsiran teks *fiqh* juga berkait dengan pemahaman terhadap pembinaan ayat bahasa Arab (ميرزايي et al., 2013).

Cadangan Kajian

Disebalik kepentingan kosa kata Arab dalam bidang pengajian Islam seperti yang dinyatakan, terdapat beberapa cabaran dalam menguasainya terutama bagi mereka yang tidak mempunyai latar belakang bahasa Arab. Sehubungan dengan itu adalah perlu adanya usaha untuk meningkatkan penguasaan kosa kata Arab dan galakan kepada penggunaannya dalam konteks pengajaran dan penyelidikan dalam bidang pengajian Islam.

Sehubungan dengan itu beberapa langkah perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan antaranya membentuk silibus pelajaran bahasa Arab bagi tujuan khas dalam bidang pengajian Islam sebagai mata pelajaran wajib dengan meneliti aspek kosa kata khusus bagi pengajian ini. Dicadangkan juga agar dilaksanakan kajian yang mengkaji faktor-faktor penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Pengajian Islam secara empirikal.

Rumusan

Penguasaan kosa kata sangat penting dan menjadi antara faktor utama yang mempengaruhi kompetensi pelajar bidang pengajian Islam. Penguasaan dan jumlah kosa kata yang besar mampu meningkatkan kefahaman pelajar, meningkatkan prestasi akademik, menguasai sumber ilmu, menambah nilai kualiti penyelidikan bidang pengajian Islam serta mampu menampilkan kesarjanaan bidang pengajian Islam.

Rujukan

- Aflisia, N. (2016). Urgensi bahasa Arab bagi hafizh Al-Qur'an. *FOKUS Jurnal Kajian Keislaman Dan Kemasyarakatan*, 1(1), 47–66.
- Agusta, I. (2003). Teknik pengumpulan dan analisis data kualitatif. *Pusat Penelitian Sosial Ekonomi. Litbang Pertanian, Bogor*, 27(10).
- Ali, N., Abdullah, M. H., & Ab Rahman, A. (2020). Penilaian Keberkesanan Modul Pembelajaran Mandiri Strategi Pemahaman Membaca Teks Bahasa Arab (MPK SPMBA) Untuk Pelajar Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 20–37.
- Andriani, A. (2015). Urgensi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Pendidikan Islam. *Ta'allum: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1), 39–56.
- Arwani, A. Y. (2017). The Role of The Arabic Language in Islamic Economy. *Alsinatuna*, 3(1), 12.
- Aslan, A. (2019). Sejarah Perjalanan Kurikulum Pendidikan Islam Di Malaysia. *TaLimuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(1), 29–45.
- Azizan, K. F. B. K., Shahrudin, H. N. B., Rosnan, F. N.-R. B., & Ismail, W. (2019). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz wal qiraat. *E-BANGI*, 16, 1–15.
- Baharudin¹, H., Ismail, Z., & Sabah, M. U. I. (2016). *Aspek saiz dalam pembelajaran kosa kata bahasa arab*.
- Bleses, D., Makransky, G., Dale, P. S., Højen, A., & Ari, B. A. (2016). Early productive vocabulary predicts academic achievement 10 years later. *Applied Psycholinguistics*, 37(6), 1461–1476.
- Chujo, K., & Utiyama, M. (2005). *Understanding the role of text length, sample size and vocabulary size in determining text coverage*.
- Hussin, M. D. N. B. I. N., & Abdullah, H. B. I. N. (n.d.). *Penguasaan Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Feqah Di Kalangan Pelajar Pengajian Bahasa Arab*.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28–29.
- Khan, R. M. I., Radzuan, N. R. M., Shahbaz, M., Ibrahim, A. H., & Mustafa, G. (2018). The role of vocabulary knowledge in speaking development of Saudi EFL learners. *Arab World English Journal (AWEJ) Volume*, 9.
- Khatib, K. M., & Zainal, H. (2018). Penguasaan kata nama dan kata kerja arab dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 1(1), 69–79.
- Kobeisy, A. N. (1999). Portrait of the Islamic Scholar. *American Journal of Islam and Society*, 16(3), 65–79.
- Lehr, F., Osborn, J., & Hiebert, E. H. (2004). *A focus on vocabulary*. Honolulu, HI: Pacific Resources for Education and Learning.
- Masrai, A., & Milton, J. (2019). How many words do you need to speak Arabic? An Arabic vocabulary size test. *The Language Learning Journal*, 47(5), 519–536.
- Masrai, A., & Milton, J. (2021). Vocabulary knowledge and academic achievement revisited: General and academic vocabulary as determinant factors. *Southern African Linguistics and Applied Language Studies*, 39(3), 282–294.
- Milton, J., & Treffers-Daller, J. (2013). Vocabulary size revisited: the link between vocabulary size and academic achievement. *Applied Linguistics Review*, 4(1), 151–172.
- Moghadam, S. H., Zainal, Z., & Ghaderpour, M. (2012). A review on the important role of vocabulary knowledge in reading comprehension performance. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 66, 555–563.

- Mohamed, Y., Hoque, M., Ismail, S., & Saad, N. M. (2020). Keperluan Bahasa Arab Ulum Islamiyyah dari Perspektif Pensyarah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*.
- Mufidah, N., & Rohima, I. I. (2020). Pengajaran Kosa Kata Untuk Mahasiswa Kelas Intensif Bahasa Arab: Vocabulary Teaching for Arabic Intensive Class. *Uniqbu Journal of Social Sciences*, 1(1), 13–24.
- Muhammady, A. (2021). أهمية المفردات في تعليم مهارات اللغة الأربعة. 'ARABIYYA: JURNAL STUDI BAHASA ARAB, 10(1), 115–130.
- Munir, A., & Muhamad, N. (2019). Cabaran pembelajaran pelajar lepasan Ijazah Pengajian Islam di Malaysia [The learning challenges of post graduate students of Islamic Studies in Malaysia]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 1–15.
- NAQLI, O. F. (2019). Kemahiran Bahasa Arab: Penanda Aras Agenda Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli. *International Journal of Education*, 4(29), 12–23.
- Nation, I. S. P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. Cambridge university press.
- Ngalawi, A. C., & Zainal, H. (2020). Kajian Literatur Saiz Kosa Kata Arab di Malaysia [Literature Review of The Size of the Arabic Vocabulary]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(1), 157–169.
- Nor, M. R. M. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *At-Ta'dib*, 6(1).
- Norshahida Md Nor, Maimun Aqsha Lubis, M. I. H. (2015). *Perbezaan Antara Falsafah Pendidikan Islam dan Pendidikan Barat*. 51–60.
- Pane, A. (2018). Urgensi Bahasa Arab; Bahasa Arab Sebagai Alat Komunikasi Agama Islam. *Komunikologi: Jurnal Pengembangan Ilmu Komunikasi Dan Sosial*, 2(1).
- Perry, L. K., Axelsson, E. L., & Horst, J. S. (2016). Learning what to remember: Vocabulary knowledge and children's memory for object names and features. *Infant and Child Development*, 25(4), 247–258.
- Rahardjo, M. (2011). *Metode pengumpulan data penelitian kualitatif*.
- Rahim, R. A. A., Jalal, A. F. A., Ismail, A. H., Ismail, H., Kadir, N. A. A., Rosele, M. I., & Kamaruddin, N. K. (2017). Ilmu Kolonial dan Impaknya pada Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal'Ulwan*, 2(1), 97–124.
- Rahman, A. (2020). Receptive Vocabulary Size as a Predictor of Undergraduates' Overall Cumulative Grade Point Average With English as Medium of Instruction in Universities. *Asia-Pacific Social Science Review*, 20(3).
- Razak, Z. R. A., & Samah, R. (2018). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi: Permasalahan dan strategi pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 61–70.
- Setyawan, C. E., & Anwar, K. (2020). Peran Bahasa Arab Dalam Pendidikan Islam Sebagai Urgensitas Menghadapi Revolusi Industri 4.0. *Lahjah Arabiyah: Jurnal Bahasa Arab Dan Pendidikan Bahasa Arab*, 1(1), 11–19.
- Sternberg, R. J. (1987). Most vocabulary is learned from context. *The Nature of Vocabulary Acquisition*, 89, 105.
- Suryanto, B. T., Imron, A. A., & Prasetyo, D. A. R. (2021). The correlation between students' vocabulary mastery and speaking skill. *English Journal for Teaching and Learning*, 9(01), 111–123.
- Verhoeven, L., van Leeuwe, J., & Vermeer, A. (2011). Vocabulary growth and reading development across the elementary school years. *Scientific Studies of Reading*, 15(1), 8–25.
- Wirastuti, I. G. A. P., Widiastuti, I. A. M. S., & Muliana, I. M. (2022). Korelasi Antara Penguasaan Kosa Kata Dan Kemampuan Menulis. *Suluh Pendidikan*, 20(1), 72–77.
- Zaini, A. R., Hasan, Y., & Husaini, M. H. (2021). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan

penuntut tahun akhir Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS): Arabic vocabulary size among Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) final year students. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 606–614.

ميرزايبی, شربانی, أ. آ., & حسن. (2013). أثر اللغة العربية في فهم الفقه الإسلامي. *آفاق الحضارة الإسلامية*, 16(1), 98–85.